

31/08/1998

300,000 pendatang dijangka pulang

Badrila Jamlus

KUALA LUMPUR, Ahad - Jabatan Imigresen menjangka kira-kira 300,000 pendatang tanpa izin akan pulang ke negara masing-masing berikutan pelaksanaan program pengampunan selama dua bulan yang diumumkan Perdana Menteri kelmarin.

Ketua Pengarahnya, Datuk Aseh Che Mat, berkata tempoh itu mencukupi bagi pendatang asing berkenaan untuk menyelesaikan pelbagai urusan termasuk membuat tempahan tiket serta mendapatkan dokumen perjalanan pulang.

Menurutnya, sebelum ini pendatang terbabit dikatakan sukar membuat urusan itu, terutama untuk tempahan tiket kapal terbang yang difahamkan penuh sehingga penghujung bulan depan.

Program pengampunan itu yang bermula 31 Ogos hingga 31 Oktober ini, diumumkan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, Jumaat lalu.

Menurut Tajol Rosli, selaku Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuat keputusan itu atas perakuan Jabatan Imigresen dan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-41.

Tajol berkata, pendatang tanpa izin yang menerima tawaran pengampunan dimesti menguruskan dokumen perjalanan masing-masing dan semua perwakilan asing terbabit hendaklah memberi kerjasama mengeluarkan dokumen perjalanan kepada warga negara mereka.

Program pengampunan ini meliputi semua warga asing termasuk tanggungan mereka, khususnya warga Indonesia, Bangladesh, India, Pakistan, China, Myanmar dan beberapa negara dari Afrika.

Sehubungan itu, Aseh meminta semua pihak kedutaan negara asing dapat mengeluarkan dokumen berkenaan kepada warga negara mereka yang ingin pulang, selain membantu menguruskan tiket penerbangan.

"Saudara-mara atau majikan yang ingin membiayai proses kepulangan pendatang asing yang masih ditahan di depot tahanan imigresen, pula boleh berbuat demikian dengan merujuk kepada Jabatan Imigresen," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Aseh berkata, sehingga kini kira-kira 7,000 pendatang tanpa izin masih ditahan di depot imigresen seluruh negara dan kebanyakannya tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Bagaimanapun, beliau berkata, Jabatan Imigresen akan terus menjalankan penguatkuasaan dan operasi selepas tempoh pengampunan itu, selain meneruskan operasi memeriksa majikan yang belum memperbaharui Permit Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja masing-masing.

(END)